

14/01/2003

Kerajaan miliki maklumat profesor anggota JI

RANTAU PANJANG: Kumpulan Jemaah Islamiah (JI) yang bergerak di negara ini dipercayai turut disertai golongan profesional seperti profesor, pensyarah dan jurutera.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung, berkata kerajaan ada maklumat mengenainya dan sedang membuat pemantauan dan akan bertindak apabila tiba masa sesuai, termasuk menahan mereka mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Katanya, buat masa ini polis belum mahu mengambil tindakan, walaupun semua maklumat dan mereka yang terbabit dengan kumpulan itu sudah diperoleh.

"Polis memang mempunyai maklumat mengenai siapa yang terbabit (dalam kumpulan JI) sejak sekian lama, tetapi belum dikenakan tindakan.

"Polis sentiasa membuat pemantauan dan jika cukup bukti, kita akan mengambil tindakan terhadap mereka," katanya selepas melawat kem Pasukan Gerakan Am (PGA) di Lubok Setol, di sini, semalam.

Sebelum itu, beliau melakukan lawatan ke pangkalan polis marin Pengkalan Kubur, pejabat imigresen, Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) dan kem Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) di sini.

Ketika di Pengkalan Kubur, beliau turut meninjau kawasan yang dikenal pasti pangkalan haram sepanjang Sungai Golok.

Chor berkata demikian mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad, semalam, lebih ramai anggota kumpulan JI ditahan mengikut ISA dalam tempoh terdekat ini.

Chor berkata, mereka yang sudah ditahan sebelum ini juga mempunyai kelayakan tinggi.

Beliau berkata, kerajaan tidak mengambil tindakan sewenang-wenangnya terhadap pihak tertentu kerana tidak mahu ia dijadikan isu politik.

"Tetapi, ini (tangkapan anggota JI) bukan isu politik. Ini isu keselamatan dalam negara yang tidak terhad kepada sesiapa," katanya.